

REPUBLICAN PARTY

STATE OF CALIFORNIA

CONSTITUTION

ARTICLE II

SECTION 1

THE EXECUTIVE POWER SHALL BE VESTED IN A GOVERNOR

AND

VICE GOVERNOR

1100089025



LP 55 FPE 2 2008



1100089025
Perdagangan dan kadar tukaran asing di Malaysia / Nur Hidayah
Hussin.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089025

1100089025		

Lihat Sebelah

PERDAGANGAN DAN KADAR TUKARAN ASING DI MALAYSIA

NUR HIDAYAH BINTI HUSSIN

KERTAS PROJEK INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN MENDAPATKAN IJAZAH SARJANA MUDA
EKONOMI (SUMBER ALAM)

JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(UMT)

2008

PENAKUAN

Saya akui bahawa Kertas Projek (EKN 4998/9) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui bibliografi yang dilampirkan.

26 April 2008




NUR HIDAYAH BT HUSSIN
UK 11261

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4998/9) is the results of my own investigation and findings, accept where otherwise stated. Other sources are acknowledged by giving explicit reference and bibliography is appended.

26 April 2008



NUR HIDAYAH BT HUSSIN
UK 11261

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya saya berjaya menyiapkan kertas projek ini. Walaupun pelbagai masalah yang dihadapi dalam usaha untuk menyiapkannya seperti kesukaran mendapatkan data dan penukaran tajuk, namun akhirnya kertas projek ini berjaya disiapkan.

Selain itu, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membantu saya iaitu Prof Madya Dr Fauziah Abu Hasan. Sepanjang dua semester tempoh untuk menyiapkan kertas projek ini, beliau tanpa jemu memberikan tunjuk ajar dan meluangkan masa walaupun mempunyai tanggungjawab tersendiri yang lain selaku Pengarah Pusat Penjaminan Kualiti UMT. Dengan itu, jasa baik beliau amat saya hargai.

Tidak lupa juga kepada kakitangan-kakitangan di Jabatan Ekonomi yang banyak membantu semasa penghasilan kertas projek ini seperti menyediakan surat dan memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada pelajar-pelajar. Juga kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu dan kakitangan Bank Negara Malaysia yang memberi kerjasama yang baik semasa proses untuk mendapatkan data dan bahan rujukan. Dengan bantuan kakitangan yang terlibat, proses untuk mendapatkan data berjalan dengan lancar dan data yang dikehendaki berjaya diperolehi.

Sekalung ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan yang terlibat dalam membantu menyiapkan kertas projek ini. Mereka banyak memberi idea dan memberi komen yang bernas yang turut membantu saya membetulkan kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti semasa proses menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali dan amat bermakna bagi saya, sekalung penghargaan buat kedua ibu bapa yang banyak memberi sokongan dan dorongan untuk terus berusaha dan mencapai keputusan yang baik bagi setiap semester. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat dalam usaha menjayakan kertas projek ini sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Kerjasama anda semua amat saya hargai.

Nur Hidayah bt. Hussin
No 208, Felda Kg. Sertik
28700, Bentong
Pahang d.m

ABSTRAK

Kajian yang dibuat adalah menjurus kepada kajian perdagangan di Malaysia dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perdagangan antarabangsa. Kajian juga dibuat bagi 26 tahun iaitu dari 1980 hingga 2005 dan sepanjang 26 tahun ini apakah perkara-perkara yang berlaku yang menyebabkan perubahan dalam perdagangan antarabangsa terutamanya dari aspek kadar tukaran asing. Antara perkara utama yang kerap dibincangkan adalah krisis mata wang yang berlaku pada Julai 1997, dengan itu, kajian melihat dengan lebih khusus kesan krisis ini kepada elemen perdagangan dan perubahan yang berlaku dalam perdagangan antarabangsa sepanjang tempoh pemulihan ekonomi negara. Pembolehubah lain yang dipilih untuk menggambarkan perubahan dalam perdagangan antarabangsa selain dari kadar tukaran asing adalah amaun tariff yang dikenakan terhadap import dan eksport negara, pertumbuhan ekonomi dan juga jumlah penduduk Malaysia. Data yang digunakan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan diregres dengan menggunakan kaedah OLS bagi melihat kesannya kepada perdagangan antarabangsa. Antara keempat-empat pembolehubah ini, didapati dua daripadanya memberi kesan yang signifikan kepada kajian iaitu amaun tariff dan jumlah penduduk manakala selebihnya didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap perdagangan antarabangsa Malaysia. Selanjutnya, beberapa cadangan diberikan sebagai usaha meningkatkan perdagangan antarabangsa pada masa akan datang.

Kata kunci : Perdagangan antarabangsa, kadar tukaran asing, pertumbuhan ekonomi, amaun tarif dan jumlah penduduk

ABSTRACT

The objective of this research is to study on trade in Malaysia and the factors that influence international trade. This study was conducted for the time 26 years to analyze the change in international trade during the time period. The study investigate in-depth the relationship between trade and exchange rate in Malaysia. The currency crisis of 1997 had affect Malaysia economy and the study hoped to reveal the effect of this crisis especially towards Malaysian trade by looking the effects before and after the crisis happened and during Malaysia's economic recovery. The other variables that have been chosen as related to international trade in Malaysia were tariff amount, Malaysian growth rate and population together with the exchange rate variable. In order to see whether the variable chosen affected Malaysian trade, data was regressed by SPSS using OLS method. From the analysis, only two variables were significant and able to influence Malaysian trade that is population and tariff amount. Finally, several suggestions are given in order to help increase the volume and stability of trade in future.

Keywords: International trade, exchange rate, economic growth, tariff amount and population.